

**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10 pagi, 6 September 2024.



Untuk Terbitan Media

6 September 2024

## SIARAN MEDIA

### 2,063 PROSPEK PENJARA BERJAYA DITAWARKAN PEKERJAAN SEJAK 2020

**KAJANG** – Seramai 2,063 penghuni penjara berjaya mendapat tawaran pekerjaan sejak 2020 sehingga 16 Ogos lalu menerusi portal pekerjaan negara MYFutureJobs.

Kejayaan demikian ditempa sewaktu penghuni penjara masih menjalani baki hukuman, dengan menduduki sesi temu duga sebelum dibebas dan terus memulakan lembaran baharu kehidupan sebaik melaporkan diri di tempat kerja.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) memaklumkan, penawaran kerja kepada penghuni penjara ini adalah sinergistik bersama Jabatan Penjara Malaysia (PENJARA) dengan pelaksanaan sesi temu duga membabitkan lebih 250 majikan.

"Antara inisiatif yang dilaksanakan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui PERKESO untuk menggalakkan majikan mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing adalah melalui insentif Daya Kerjaya 2.0 bawah Belanjawan 2024.

"Kerajaan memperuntukkan RM30 juta menerusi insentif ini dengan memberi sokongan kewangan kepada majikan sektor swasta dan GLC/GLIC yang layak menerima insentif RM1,500 bagi setiap individu untuk tempoh enam bulan sekiranya menggajikan golongan rentan antaranya Orang Kurang Upaya, Bekas Banduan dan Warga Emas.

"Sehingga 9 Ogos lalu, 223 majikan diluluskan permohonan membabitkan seramai 940 prospek penjara menerusi program ini," menurut PERKESO dalam satu kenyataan media yang diedarkan, hari ini.

PERKESO komited memainkan peranan aktif menerusi pelbagai inisiatif sokongan, termasuk membantu penempatan pekerjaan dalam kalangan golongan rentan bagi memastikan sasaran PENJARA untuk dua pertiga banduan pemulihan dalam komuniti menjelang 2030 berupaya dicapai.

Sehubungan itu, penganjuran **Karnival Kerjaya dan Keusahawanan MYFutureJobs: Tiada Yang Terpinggir** oleh kerajaan menerusi PERKESO bersama PENJARA ini antara lain bertujuan menggalakkan majikan menggaji bakat tempatan berbanding pekerja asing, termasuk memberi peluang kepada bekas banduan yang layak menjalani program pemulihan dalam komuniti.

PERKESO menjelaskan, karnival kerjaya ini dilaksanakan selama dua hari pada 4 dan 5 September lalu di Pusat Rawatan Pemulihan Dadah Kajang secara tertutup dengan penyertaan daripada 22 majikan kepada hampir 400 penghuni penjara yang menawarkan lebih 700 peluang pekerjaan dengan tawaran gaji bermula RM1,500 sehingga RM2,000.

“Selain karnival kerjaya, program keusahawanan turut disertakan dalam karnival ini dengan kolaborasi dua agensi berkaitan yang memfokuskan kepada penghuni penjara yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan atau bekerja sendiri menerusi sokongan dalam bentuk geran padanan, program latihan dan khidmat nasihat.

“Pendidikan kewangan turut disediakan kepada prospek penjara bagi membantu mereka membina kehidupan yang stabil dan bebas dari masalah kewangan setelah dibebaskan,” menurut kenyataan sama.

**Tamat**

###

## **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘leaves no one behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**6 September 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**

**+6019-7107479**

[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)